

569  
NO. SOALAN: 572

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[PENAMPANG]**

**SOALAN :**

**YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] PERDANA MENTERI** menyatakan senarai kesemua suku etnik di Persekutuan Malaysia yang diklasifikasikan sebagai “Bumiputera” dalam borang Kerajaan Persekutuan dan nyatakan juga suku etnik yang masih diklasifikasikan sebagai “Lain-lain”.

**JAWAPAN:** **YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konteks Negeri Sarawak, ‘anak negeri’ atau ‘kaum bumiputera’ atau ‘kaum asal’ atau ‘native’ membawa maksud penduduk asal Negeri Sarawak (*indigenous to Sarawak*) yang merupakan warganegara dan terdiri daripada kaum-kaum yang disenaraikan di bawah Artikel 161A, Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama Seksyen 3, *Interpretation Ordinance 2005, Chapter 61*,

*Laws of Sarawak*. Kaum-kaum tersebut ialah Bidayuh atau Dayak Darat, Bukitan, Bisayah, Dusun, Iban atau Dayak Laut, Kedayan, Kelabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Lugat, Lism, Melayu, Melanau, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.

Dalam konteks Negeri Sabah pula, ‘anak negeri’ atau ‘kaum bumiputera’ atau ‘kaum asal’ atau ‘native’ membawa maksud penduduk asal Negeri Sabah (*indigenous to Sabah*) di bawah Artikel 161A, Perlembagaan Persekutuan. Mereka ialah seseorang yang merupakan warganegara dan anak atau cucu kepada seorang daripada suatu ras/kaum asli bagi Sabah dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) sama ada di Sabah atau dengan bapanya berdomisil di Sabah pada masa kelahiran itu.

Senarai suku kaum ‘anak negeri’ atau ‘kaum bumiputera’ Sabah selaras dengan kehendak dan semangat Perkara 161A (6)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Ordinan Tafsiran (Definisi Anak Negeri) (Cap 64, 1952 Pindaan 1992) ialah Kadazandusun atau Dusun atau Kadazan, Bajau atau Sama atau Bajau/Sama, Murut, Brunei atau Melayu Brunei, Rungus, Bisaya atau Bisayah, Idahan atau Ida'an, Iranun (Illanun), Kedayan atau Kadayan, Orang Sungai atau Sungoi, Lundayeh/Lundayuh, Suluk, Tidung, Bulongan dan Balabak/Molbog.

**Bagi kaum yang diklasifikasikan sebagai “Lain-lain” ialah kaum yang selain daripada kaum Melayu, Cina, India dan kaum-kaum yang disenaraikan di bawah Artikel 161A Perlembagaan Persekutuan.**

**Mengenai pengklasifikasian suku kaum “Bumiputera” dan “Lain-lain” dalam borang rasmi Kerajaan,** perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak pada 5 Mac 2015 dimana jawatankuasa ini telah bersetuju dengan cadangan penggunaan istilah ‘Dayak’ ditambah dalam borang rasmi Kerajaan. Penambahbaikan akan sentiasa dibincangkan secara berterusan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak, termasuklah bagi suku etnik negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.